

Penjawat awam perlu berani tegur, lapor salah laku pegawai, menteri

PM: Lapor ketirisan

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia tidak boleh menjadi negara lebih baik jika isu kebocoran dan ketirisan terus berlaku membabitkan pemberian komisen dan 'mengubah harga' dalam pengendalian kontrak-kontrak kerajaan yang me-

langgar undang-undang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, untuk itu warga perkhidmatan awam perlu berani membuat teguran terhadap pegawai atasan dan menteri-menteri termasuk dirinya sendiri yang kini memegang portfolio Menteri Kewangan jika didapati melanggar undang-undang.

“Saya tekankan, saya sendiri sudah melihat banyak keterlanjuran seumpama itu berlaku terutama di peringkat penguatkuasaan di Kementerian Kewangan.

“Bagaimanapun, perbuatan salah laku berkenaan tidak boleh disalahkan kepada penjawat awam semata-mata.

“Ini kerana terdapat minit

mesyuarat yang dibuat adalah atas arahan terus daripada menteri manakala penjawat awam pula terpaksa akur kepada arahan itu,” kata beliau pada sesi Perjumpaan Perdana Menteri bersama warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi Bulan Januari di Bangunan Perdana Putra di sini semalam

Menurut beliau, penjawat awam di bawah pentadbirannya perlu melawan sebarang ketidakpatuhan dan arahan-arahan yang membelakangkan peraturan sekalipun perkara itu dikeluarkan beliau sendiri selaku Perdana Menteri.

Bersambung di muka 3